



TAHUN TAHUN PERANG ABRAHAM LINCOLN

JILID #2

Carl Sandburg



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDAMA

ABRAHAM LINCOLN TAHUN-TAHUN PERANG

CARL SANDBURG

Terjemahan
Amin Ahmad



PUSTAKA PERDANA



1012486

Peri Pencerahan Selangor

Abraham Lincoln: Tahun-tahun Perang

terjemahan daripada
Abraham Lincoln 'The War Years'

diterjemah oleh
Amin Ahmad

diterbitkan oleh
Awal Nahdah Resources
41, Jalan Tanjung 2A
Seksyen BS2, Bukit Sentosa
48300 Rawang Selangor
(awalnahdahr@gmail.com)

dengan sokongan
Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Cetakan Pertama, 2016

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Sandburg, Carl
ABRAHAM LINCOLN : TAHUN-TAHUN PERANG. Jilid 2 / CARL SANDBURG;
Terjemahan Amin Ahmad
ISBN 978 967 14418 4 8

1. Lincoln, Abraham,--1809-1865. 2. Presidents--United States
3. United States--Politics and government--19th century
I. Amin Ahmad. II. Judul. III. Translation of: Abraham Lincoln
'The War Years'.
923.273

© Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.

font Athelas

dicetak di
Mj Production
No. 23 Jln. PBS 14/13
Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan, Selangor.

Daftar Isi

- ❁ Ke Mana Amerika? – Perjalanan Lincoln ke Washington ..5
- ❁ Lincoln Mengangkat Sumpah Sebagai Presiden ..35
- ❁ Sumter dan Cabaran Perang – Memanggil Tentera ..61
- ❁ Jefferson Davis - Pemerintahannya ..89
- ❁ Kerusuhan – Ketakutan – Bahaya ..99
- ❁ Bull Run – McClellan – Frémont – Peristiwa Trent ..119
- ❁ Politik Perang – Rasuah ..151
- ❁ Donelson – Grant – Shiloh – *Monitor* dan *Merrimac* –
“Tujuh Hari” - Draf ..199
- ❁ Bull Run Kedua – Antietam Berdarah - Kekacauan ..211
- ❁ Isu Melibatkan Perhambaan – Permulaan Perisytiharan
Pembebasan ..233
- ❁ “Kelembaman” McClellan – Kekalahan Pilihan Raya –
Fredericksburg – Mesej 1862 ..253
- ❁ Kabinet bergemuruh - Murfreesboro ..273
- ❁ Perisytiharan Pembebasan Akhir 1863 ..293
- ❁ “Lebih Banyak Kuda Daripada Bijirin” – Pencari Pekerjaan ..305
- ❁ Hooker – Chancellorsville – Bencana ..321
- ❁ Akankah Grant Merampas Vicksburg? ...343
- ❁ Bayangan Tajam – Lincoln pada Awal 1863 ...351
- ❁ Lelaki di Rumah Putih ...385
- ❁ Gettysburg – Kepungan Vicksburg – Arus Dalam, 1863 ...423
- ❁ Lincoln di Pusat Pertempuran ...451
- ❁ Chickamauga – Menang Pilihan Raya, 1863 ...467
- ❁ Lincoln Berucap di Gettysburg ...485
- ❁ Epik Tahun 1863 Hampir Berakhir ...503
- ❁ Grant Dijadikan Pemerintah Tertinggi Tentera, Tahun 1864 ... 525



Ke Mana Amerika? – Perjalanan Lincoln ke Washington

“KE MANA Amerika?” menjadi persoalan yang menyakitkan kepala dan hati jutaan rakyat Amerika, ketika Lincoln memulakan perjalanan ke Washington. Kongres masih belum, selepas memperolehi keputusan pilihan raya, mengisytihar dan mengesahkan dia sebagai Presiden yang dipilih. Peristiwa-peristiwa yang berlaku masih belum dapat membuka banyak rahsia. Jeneral Scott yang mudah teruja berkata kepada seorang pembantu, “Pertarungan ganas kini mungkin akan menyebabkan mereka yang lemah kehilangan darah.” Dan dia menempatkan pengawal-pengawal di laluan masuk dan di kedudukan strategik bagi memastikan keadaan terkawal semasa undian pilihan raya Presiden diperolehi pada 13 Februari.

Peguam yang dibayar tinggi, Rufus Choate, yang mendengar satu opera bahasa asing di New York memberitahu anak perempuannya, “tafsirkan kepada saya kata-kata yang dinyanyikan dalam opera ini jika tidak saya akan melihat dengan emosi yang salah.” Dalam kekacauan perubahan persekitaran Amerika, orang ramai melihatnya dengan ribuan tafsiran. Jika boleh menguruskannya,



Lincoln akan menjadi penafsir utama keganasan dan motif bertentangan yang menggoncang di seluruh kawasan, menjadi masalah bagi negara itu.

Hanya timbunan dokumen yang merekodkan fakta sebenar dan kabus mimpi boleh menceritakan kerumitan kisah yang membentuk takdir nasional; tentang surat khabar di Utara dan Selatan yang berbohong kepada pembaca dan cuba memuaskan parti dan pihak-pihak berkepentingan; tentang hutang 200,000,000 dolar peladang dan peniaga di Selatan kepada mereka yang di Utara, terutama kepada pengawal wang di Bandar New York; tentang pedagang hamba di Virginia dan Kentucky yang cemburu dengan gangguan pedagang hamba Afrika; tentang soal kaum, di mana di kawasan ribut salji di New England, Negro mempunyai rasa ingin tahu yang jarang berlaku, dan lain pula di kawasan lembap tropika di Selatan, di mana banyak kawasan terdapat jumlah Negro lebih ramai berbanding orang kulit putih; tentang pedagang hamba di Selatan yang melanggar undang-undang Perlembagaan melarang penghantaran kargo kosong di rawang malar dan kawasan tebu terbiar di Pantai Teluk; tentang undang-undang berkaitan hamba pelarian yang diperolokkan apabila kumpulan penghapus perhambaan mencuri hamba harta ini dan membawanya ke Utara untuk dibebaskan; tentang kumpulan penghapus perhambaan di Selatan dan Utara yang digantung, ditembak, ditikam, dipotong tubuh badan mereka; tentang pemilik pembuatan di Utara boleh membuang pekerja dan mesin yang tidak lagi menguntungkan manakala peladang Selatan tidak boleh dengan mudahnya memberhentikan lelaki dan wanita kulit hitam yang menjadi perkakas pengeluaran; tentang rumitnya aturan jumlah pengeluaran baru kilang jam dan senjata; tentang jentera automatik yang hanya sedikit dipandu oleh pekerja yang menghasilkan kasut, kain, gunting, pin dan perhiasan tiruan yang dijual oleh rangkaian Dollar Stores; tentang penggunaan baru derik minyak selatan Pennsylvania; tentang belon yang terapung setinggi 23,000 kaki dan ramalan penumpangnya boleh ke Eropah; tentang pengukur kecil yang tepat bagi



mengukur puluhan ribu inci; tentang bilangan penduduk berkulit putih di Negeri Iowa yang sekali ganda lebih ramai berbanding bilangan penduduk berkulit putih di Carolina Selatan; tentang visi nasional landasan kereta api ke Pasifik yang berterusan; tentang gerabak kereta api bertutup menuju ke barat dengan paparan slogan "Ho untuk California," "Oregon atau Mati"; tentang 500 gerabak menuju ke barat setiap hari yang melintasi Pelabuhan Kearney, Nebraska; tentang pedati yang mengambil penumpang melintasi tanah rata, gurun, gunung, yang kebiasaannya berlari sepanjang 23 hari dari St. Louis ke San Francisco; tentang kuda padi yang membawa surat-surat dari St. Joseph, Missouri ke San Francisco dalam tempoh 11 hari, menggunakan 500 kuda dan 80 penunggang, setiap mereka membawa guni-guni sejauh purata 113 1/3 batu; tentang jentera ladang yang hampir secara eksklusifnya di Utara yang menuai dua hingga tiga kali ganda lebih daripada yang boleh dilakukan manusia; tentang kerja rumah wanita yang diringankan oleh mesin jahit, penguli, pemukul telur dan sebagainya; tentang Abraham Lincoln membaca naskah individu *Majalah Blackwood* yang menyatakan bahawa dalam tempoh 30 tahun penduduk Amerika Syarikat akan meningkat sekali ganda dan pada tahun 1940 akan mencecah 303,000,000; tentang luasnya Dataran Agung di mana kepingan tanah belum lagi diusik boleh menghasilkan jutaan hasil yang tidak terhitung nanti; tentang empayar baru pengeluaran dan perdagangan dalam prospek praktikal mereka yang telah membelanjakan sebanyak 400,000,000 dolar bagi landasan kereta api dan terusan antara Pertengahan Barat dan pinggir laut Atlantik; tentang tanah-tanah, rumah ladang dan kawasan jauh yang luas terbentang di mana wisel landasan kereta api akan menggegarkan tempat yang lama terencil; tentang kerja membina landasan kereta api dan terusan yang menyakitkan belakang dibuat oleh kumpulan pembinaan Irish; tentang persaingan tajam antara peniaga; pembuat dan kepentingan lain yang bertarung mendapatkan pelanggan dan kawasan berniaga; tentang pelanggan tawar-menawar harga di kedai runcit dan pengumuman sensasi



kedai besar A. T. Stewart di New York mengenai harga tetap barangan, sebagaimana ditandakan; tentang impian jelas dan mistik yang tidak dapat diterangkan kepada orang ramai mengenai Persekutuan Kesatuan Negeri-Negeri; tentang sistem Sungai Mississippi mengairi 1,000,000 batu persegi tanah ladang yang kaya; mengapungkan kapal-kapal wap yang bernilai 60,000,000 dolar, menyusuri 12 buah negeri Utara dan Selatan; tentang kepastian kuasa baru parti Republikan di Washington akan meletak sasaran untuk menghadkan perluasan perhambaan dan mengusahakan agar ia “pupus mutlak”; tentang 260,000 Negro bebas di Selatan memiliki harta bernilai 25,000,000 dolar, seorang daripadanya adalah pemilik tanah terkaya Jefferson County, Virginia; tentang sekurang-kurangnya seorang daripada seratus Negro bebas memiliki seorang atau dua hamba, segelintir memiliki 50 orang atau lebih; tentang orang kulit putih yang miskin di Selatan yang tidak memiliki hamba, tanah dan barang keperluan selesa lebih daripada Negro yang menjadi pembantu rumah, dan selalu dicengkam sebagai milik peribadi yang disayangi kerana dia tidak dilahirkan berkulit hitam; tentang pekerja kilang di Utara dan pekerja perdagangan pakaian yang dibayar upah sara hidup yang secukupnya sahaja, yang daripadanya diguna untuk melindungi daripada kemalangan, sakit, hari tua, pengangguran; tentang harapan tidak jelas di Selatan bahawa Negeri-Negeri Barat Laut akan menyertai konfederasi atau membentuk satu konfederasi sendiri; tentang sebuah kebergantungan besar sebuah Negeri Kapas kepada Negeri Sempadan Hamba dan Utara untuk mendapatkan bekalan makanan, makanan haiwan, barangan dan pakaian; tentang delusi Negeri Kapas bahawa New England dan Eropah bergantung kepada Raja Kapas secara ekonominya; tentang sistem Amerika yang semakin sesak menyebabkan kemajuan terbantut, menghadkan pertumbuhan daripada kapitalisme moden yang bakal tiba dan diimbangi oleh tanah murah yang luas, menyerap apa yang jika tidak menjadi elemen mengganggu dan bertentangan.



Begitulah gambaran bercerancang Rumah Yang Terbahagi di mana Lincoln akan menjadi Ketua Majistret.

Perjalanan dari Springfield ke Washington membawa Lincoln bertemu secara berdepan dengan gabenor dan penggubal undang-undang dari lima negeri. Dia menjejakkan kaki di bandar-bandar utama; berucap kepada orang-orang penting yang mengawal politik, wang, pengangkutan, bekalan; menyampaikan lebih daripada 20 ucapan; bersalaman dengan ribuan orang; melihat sendiri orang ramai yang berpusu-pusu mahu melihat tokoh utama di Amerika kini.

Mereka yang bersama dalam kereta api Wabash Railroad membawa Presiden yang dipilih ke tanah penanaman jagung Indiana termasuklah wakil media, peguam tua Sirkit Lapan Ward Hill Lamon, Orville H. Browning, Jesse K. Dubois, Hakim David Davis, Norman B. Judd dari Chicago, empat pegawai Tentera Rasmi yang berpakaian seragam, dan Kolonel Elmer Ephraim Ellsworth yang berusia 24 tahun, yang rejimen Zouaves-nya¹ menguasai seluruh negara, memenangi banyak kejohanan, membuat persembahan di West Point untuk pegawai Tentera Biasa, dan di halaman Rumah Putih. Orang ramai, sekitar 70,000 orang, menonton “latihan ringan” menggunakan senapang lantak, sangkur, beg galas, dengan seluar labuh berwarna merah menyala, topi merah, jaket biru yang dihias dengan warna oren dan kuning. Kemudian Ellsworth pergi ke Springfield, menjadikan pejabat Lincoln & Herndon sebagai ibu pejabatnya dan menyampaikan ucapan terbuka bagi pihak Lincoln.

Kereta api Wabash tiba di Indianapolis pada pukul lima petang. Kepada Gabenor Oliver P. Morton dan “Warga di Negeri Indiana,” Lincoln mengatakan dirinya “hanyalah alat, alat yang kebetulan” untuk perjuangan yang besar. Kemudian dalam satu ucapan dari balkoni Rumah Bates, dia bersetuju dengan Salomon bahawa ada masanya perlu berdiam dan dia dipetik berkata: *“Bila manusia bertengkar mulut tanpa kepastian bahawa mereka memaksudkan perkara*

1 Nota penterjemah: rejimen infantri sukarela.



yang sama semasa menggunakan perkataan yang sama, mungkin lebih baik mereka berdiam diri.”

Semasa hari lahir Lincoln yang ke-52, dia tiba di Cincinnati, naik ke pedati yang dibawa oleh enam ekor kuda putih, dan bergerak dalam satu perarakan yang terdiri daripada pancaragam, kor faif dan dram, Pengawal La Fayette, Pengawal Rover, Jager Jerman², Zouave, Guthrie Grey³, Washington Dragoons⁴ dan warga yang menaiki kuda, di atas pedati, berjalan kaki.

Datuk Bandar memperkenalkan Presiden yang dipilih. Kepada warga Kentucky di seberang Sungai Ohio dia berkata, “Kami mahu melayan anda, sedekat yang boleh, sebagaimana Washington, Jefferson dan Madison melayan anda ... kita mesti terus bersaudara, melupakan segalanya-mengabaikan semuanya.” Kepada orang Jerman dan orang luar yang lain, “Saya menghormati mereka sama seperti yang lain, tidak lebih dan tidak kurang.” Ini menyebabkan orang ramai tertawa. “Bukanlah diri saya, bila melihat orang ramai terbelenggu dengan beban yang dibawa – penindasan zalim – menambah lagi kepahitan hidup mereka dengan lebih banyak beban; sebaliknya saya akan lakukan dengan segala kuasa yang saya ada untuk mengangkat beban yang ada, bukan menambah apa saja yang boleh menghancurkan mereka.” Ini mencerikan mereka dan terlalu menyedihkan untuk ketawa.

Kongres belum mengisytiharkan Lincoln sebagai Presiden. Keterujaan begitu dirasakan di Washington pada 13 Februari. Orang ramai memanjat Capitol Hill untuk duduk di galeri, di setiap pintu masuk terdapat pengawal bersenjata. “Tiada sesiapa boleh masuk kecuali Senator-Senator dan Perwakilan-Perwakilan, dan mereka yang mempunyai tiket kebenaran bertulis yang ditandatangani oleh Speaker Dewan atau pegawai pengerusi Senat,” tulis L. E. Chittenden. “Malah ahli-ahli Kongres tidak boleh melepaskan rakan-rakan mereka.” Seorang kolonel militia Washington berpakaian preman berkata orang-orangnya

2 Nota penterjemah: infantri penembak tepat.

3 Nota penterjemah: pertubuhan militia setempat.

4 Nota penterjemah: tentera berkuda. Diasaskan oleh William Washington, Tentera Benua semasa Perang Revolusi.



bersama senjata-senjata mereka sentiasa bersedia. Lebuh Pennsylvania, “sesak dengan orang ramai yang bersorak,” menyaksikan banyak pergaduhan dan tangkapan.

Penyampai membaca sijil setiap negeri. John C. Breckinridge, Naib Presiden, berasal dari Kentucky dan jiwanya begitu mendalam menyokong perjuangan pemisah, mengumumkan:

Abraham Lincoln, dari Illinois, yang menerima majoriti daripada undi keseluruhan, dipilih menjadi Presiden Amerika Syarikat untuk tempoh empat tahun, bermula pada 4 Mac 1861 ...

Pada hari itu Lincoln menaiki kereta api khas di Landasan Kereta Api Little Miami menuju ke pusat bandar Ohio. Kepada ahli dewan undangan negeri di Columbus pada malam itu Lincoln menyampaikan ucapan khusus daripada beberapa sudut: “Saya tahu apa yang anda tahu, bahawa, tanpa nama, mungkin tanpa satu sebab mengapa saya memerlukan nama, saya menerima satu tugas yang tidak ditanggung meskipun oleh Bapa Pengasas Negara ini ... Saya berpaling, kemudian melihat rakyat Amerika dan kepada Tuhan yang tidak mengabaikan mereka ...” Dia menyampaikan ayat yang menimbulkan pertanyaan, mempersenda dan memperkecilkannya; dia ada tujuan sendiri dalam menyampaikan dengan tenang dan bersahaja: “Saya tidak terus diam daripada sebarang kebimbangan yang sah. Adalah baik kerana ia tidak lebih daripada sekadar kebimbangan, kerana tidak ada apa-apa yang buruk terjadi. Agak melegakan bila kita melihat tidak ada apa-apa yang menyakitkan sesiapa ...”

Kereta api khas Lincoln sampai ke Pittsburgh pada 14 Februari. Dia berterima kasih kepada Datuk Bandar Wilson dan penduduk di sana kerana “sambutan hangat”, sekali lagi dia akan bercakap tentang “situasi semasa yang terganggu” di negara ini bila tiba masanya, berharap bila akhirnya dia memperkatakan tentang itu, dia tidak akan berkata sesuatu yang mengecewakan orang ramai di negara itu secara umumnya, dan sekali lagi menyampaikan kata-



kata yang melegakan tentang masa depan yang cerah, semakin membingungkan ahli-ahli falsafah yang lebih mengetahuinya.

Di bandar Kebebasan, seorang pengangkut arang menjerit di celah kesesakan orang ramai, "Abe, mereka kata kamu adalah orang paling tinggi di Amerika Syarikat, tetapi saya tidak percaya kamu lebih tinggi daripada saya." Lincoln membalas, "mari ke sini dan ukur." Pengangkut arang yang berpakaian kerja berdebu itu ditolak ke depan dalam kesesakan orang ramai itu, berdiri membelakangi Presiden yang dipilih dan mereka mempunyai ketinggian yang sama. Orang ramai bersorak. Dua orang tinggi itu tersengih dan bersalaman. Di sana sini mereka yang bersungguh berkata tidak mungkin seorang yang biasa boleh bertindak seperti pengangkut arang itu, apakah yang terjadi kepada negara ini?

Lincoln ke Ohio sekali lagi dan bergerak ke atas ke Cleveland dengan kereta api khas. Meriam ditembak sebagai tanda hormat. Melalui hujan dan lumpur sepanjang dua batu perarakan penghormatan bergerak ke Rumah Weddell. Sekali lagi Lincoln menyampaikan tujuannya: "...Apakah makna semua keterujaan ini? Apakah makna semua rungutan ini? Sebagaimana saya katakan sebelum ini, semua krisis ini adalah buatan. Ia tidak berasaskan fakta. Ia tidak boleh ditegakkan, sebagaimana yang dikata, dan dengan itu, tidak boleh dijatuhkan. Biarkan dan ia akan berakhir sendiri."

Maka dari bandar ke bandar, tanpa hari rehat, dan sekali lagi dengan enam kuda putih susu, atau lapan kuda hitam berkilat, berambut merah di atas kepala dan bendera pada abah-abah, hiasan berangkai dan kain panji merah, putih dan biru di sepanjang jalan yang penuh sorakan, dan sesak dengan manusia di sisi laluan.

Lincoln ingat seorang kanak-kanak perempuan yang menulis mencadangkan dia menyimpan jambang. Dia menjawab ia mungkin kelihatan seperti "sifat pura-pura yang tidak bijak." Kanak-kanak itu tinggal di Westfield, New York, dan di sana dia memberitahu orang ramai, "Saya mempunyai kenalan melalui surat dari tempat ini, dan

jika dia hadir saya ingin bertemuinya.” Tidak ada sesiapa yang tampil. “Siapakah dia? Berikan kami namanya,” suara dari orang ramai. “Namanya ialah Grace Bedell.” Grace dipimpin dan dibawa ke atas pentas. Lincoln berkata, “Dia menulis kepada saya menyatakan dia fikir saya akan nampak lebih elok jika berjambang.” Dia melihat kepada kanak-kanak itu, “Kamu tengok, saya biarkan jambang ini tumbuh untuk kamu.” Kemudian dia mencium kanak-kanak itu. Berita mengenainya tersebar jauh dan meluas. Tajuk utama berita akhbar *Tribune New York* menyatakan “Abe yang Tua mencium Gadis yang Cantik.” Di bawah tajuk berita “Jambang dan Ciuman,” akhbar *Republikan St. Louis* menyindir: “Jika mencium wanita cantik adalah keistimewaan seorang Presiden, Puan Lincoln, yang tahu akan haknya dan tahu mengekalkannya, mesti mendesak kuasa veto bagi dirinya.”

Semasa cuba menghalang kemaraan orang ramai yang menuju berhampiran Presiden yang dipilih di Buffalo, Mejar David Hunter daripada Tentera Rasmi telah terkehel tulang bahunya. Sebuah kumpulan koir Jerman menyampaikan nyanyian. Orang ramai bersorak kepada seorang lelaki di tempat memotong kayu yang membuat pertaruhan Lincoln akan kalah. Sekali lagi Lincoln berkata dia tahu perhimpunan itu bukan untuk dirinya secara peribadi, dan dia akan bercakap tentang masalah nasional bila sesuai.

Kereta api yang dinaiki Lincoln bergerak menuju ke arah Timur memasuki zon Terusan Erie pada waktu pagi. Di Rochester dia mengaku ditenggelami “jumlah orang yang cukup ramai pada waktu pagi begini.” Menurutnya, pentas elok yang disediakan di Syracuse agak berlebihan berbanding ucapan yang mahu disampaikan. Di Utica dia menyatakan tidak mahu berucap tetapi hanya mahu tampil untuk dilihat dan juga melihat orang ramai. Dalam hal wanita setakat itu, dia berkata, “Saya dapat melihat yang terbaik daripada yang ada.”

Kepada gabenor dan orang-orang penting, dia berucap dengan yakin, dia menasihatkan sebagaimana yang ditulis kepada Gabenor Curtin: “Saya fikir lebih baik kamu



Pemilihan Lincoln sebagai Presiden Amerika Syarikat yang ke-16 pada tahun 1861 menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan penyokong perhambaan, sehinggakan beliau diancam bunuh.

Amerika terpecah lebih teruk apabila penyokong perhambaan memisahkan beberapa negeri untuk membentuk Konfederasi.

Lincoln tidak mempunyai banyak pilihan. Beliau membentuk Kabinet campuran yang terdiri daripada tokoh-tokoh Republikan dan Demokrat, mendakwa tindakan Negeri-Negeri memisahkan diri dan membentuk Konfederasi sebagai tidak sah, mendapatkan sokongan Demokrat dan orang ramai untuk mempertahankan Kesatuan, melancarkan Perang Sivil demi tujuan tersebut.

Tahun-tahun Perang (Jilid 2) mengisahkan bagaimana sulitnya Lincoln berusaha mempertahankan Kesatuan, termasuk dengan mengambil langkah berani membuat Perisytiharan Pembebasan.

Ketika ramai penyokong Kesatuan mulai meragui Perang Sivil sebagai langkah wajar untuk keluar daripada kemelut yang meruncing di Amerika, Lincoln bertegas untuk meneruskannya semasa menyampaikan ucapan di Gettysburg yang masyhur dalam mendefinisikan demokrasi – pemerintahan rakyat, dari rakyat, untuk rakyat.

The logo for libde, featuring the letters 'libde' in a bold, black, sans-serif font. The 'l' is stylized with a white outline.

Dengan sokongan:



Dengan kerjasama:

